

SULIT

1103/1
BAHASA MELAYU
Kertas 1
November 2021
2 jam

LOGO
DAN
NAMA SEKOLAH

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
TINGKATAN 5
BAHASA MELAYU
KERTAS 1
Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi **dua** bahagian : **Bahagian A dan Bahagian B**
2. Jawab soalan **Bahagian A** dan **satu** soalan daripada **Bahagian B**.
3. Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.
4. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.

Kertas soalan ini mengandungi 4 halaman bercetak termasuk muka hadapan.

BAHAGIAN A

[30 markah]

[Masa yang dicadangkan: 30 minit]

Gambar dan maklumat di bawah ini menunjukkan masalah gangguan bekalan air yang sering terputus dan terpaksa dihadapi oleh penduduk kawasan tempat tinggal anda.

Sebagai penduduk yang prihatin, tulis **sepucuk surat** kepada pihak berkuasa untuk mengadukan masalah yang dihadapi oleh penduduk di kawasan tempat tinggal anda tentang gangguan bekalan air yang sering terputus dan cadangkan tindakan yang perlu diambil.

Panjangnya surat anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.



Kempen

- Meneroka air bawah tanah
- Pemeliharaan dan pemuliharaan kawasan tadahan hujan
- Penguatkuasaan undang-undang
- Rawatan air kumbahan
- Memantau pengusaha kilang dan petani supaya mengikut prosedur dan piawaian
- Menjaga dan mengekalkan kawasan hutan
- Menggunakan sumber air bawah tanah menggunakan sistem telaga
- Membersihkan air yang tercemar supaya boleh digunakan
- Menyedarkan masyarakat tentang kepentingan menjaga sumber air

Harapan Jawapan

BAHAGIAN B
[70 markah]

(Masa yang dicadangkan : 1 jam 30 minit)

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

DOMAIN AWAM

KUALA LUMPUR: Kantin Sekolah Kebangsaan (2) Taman Keramat, di sini, diarahkan tutup apabila 49 orang pelajar sekolah terbabit mengalami gejala muntah, sakit perut dan cirit-birit selepas bersarapan di situ pada waktu rehat, semalam.

Pengarah Kesihatan Selangor, Datuk Dr Khalid Ibrahim, berkata hingga kini, 22 kes sudah menerima rawatan pesakit luar manakala 27 kes mengalami gejala ringan dan tidak mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan.

Sampel pengendali, makanan serta sampel persekitaran sudah diambil untuk tujuan analisa makmal dan masih menunggu keputusan," katanya dalam satu kenyataan

Sumber : Internet

Petikan berita di atas berkaitan dengan kes keracunan makanan yang berlaku di sebuah sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akibat daripada tahap kebersihan yang kurang memuaskan.

Bincangkan ciri-ciri sebuah kantin sekolah yang baik.

DOMAIN PERIBADI

Tekanan atau depresi merupakan penyakit mental yang biasa dihadapi oleh masyarakat pada masa ini. Menurut data yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) seramai lebih 264 juta orang manusia daripada semua kategori umur menghidap penyakit ini. Penyakit ini sekiranya tidak dirawat dan ditangani, pastinya akan memberikan kesan negatif terhadap kehidupan manusia pada masa kini dan masa akan datang.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Segera Bertindak Atasi Tekanan'
oleh Noriah Abdullah dalam Berita Harian)

Petikan di atas berkaitan dengan tekanan yang dialami oleh individu disebabkan oleh pelbagai faktor.

Sebagai seorang remaja apakah usaha yang wajar anda lakukan untuk mengatasi masalah tekanan mental dan emosi ini.

DOMAIN PENDIDIKAN

Azizi bin Abdullah telah dilahirkan di Kampung Bukit Meryam, Kota Kuala Muda, Kedah, pada 4 April 1942. Beliau telah menerima Anugerah Penulis S.E.A. (1988) dan anugerah MASTERA (2007). Beliau bersekolah di Sekolah Melayu Bukit Meryam dan Sekolah Melayu Kota Kuala Muda, Kedah hingga darjah enam. Selepas itu, beliau bersekolah di Sekolah Agama Dairatul Maarif Al-Wataniah, Kepala Batas, Seberang Perai, Pulau Pinang hingga tahun 1965. Beliau meninggal dunia pada 21 Ogos 2011 dalam usia 69 tahun. Sepanjang hayatnya, Azizi telah menulis ratusan cerpen dan lebih 30 buah novel.

Sumber: Buku Teks KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4

Petikan di atas merupakan biodata salah seorang sasterawan negara yang banyak menyumbang kepada penghasilan karya sastera. Banyak kepentingan yang akan diperolehi apabila membaca karya sastera.

Sehubungan dengan itu, anda dikehendaki menulis sebuah rencana yang bertajuk, 'Faedah Membaca Karya Sastera'.

Tulis rencana tersebut selengkapnya

DOMAIN KERJAYA

Lagu Guru Malaysia

Kami guru Malaysia
Berikrar dan berjanji
Mendidik dan memimpin
Putra putri negara kita

Pada Seri Paduka
Kami tumpahkan setia
Rukun Negara kita
Panduan hidup kami semua

Di bidang pembangunan
Kami tetap bersama
Membantu, membina
Negara yang tercinta

Amanah yang diberi
Kami tak persiakan
Apa yang kami janji
Tunai tetap kami tunaikan

Lagu & Lirik : Hashim Ahmad

Sumber : Internet

Lagu Guru Malaysia di atas menggambarkan tugas-tugas seorang guru. Namun, kerjaya sebagai seorang guru pada masa ini banyak cabarannya.

Bincangkan persediaan -persediaan yang wajar dilakukan oleh seseorang individu yang ingin menceburkan diri dalam profesion keguruan.

KERTAS SOALAN TAMAT

